

**BAB
TIGA**

BAB 3 METODOLOGI

Pendahuluan

Bab ini akan memperjelaskan tentang metodologi kajian penyelidik yang rangkumi hal-hal seperti berikut:

Sampel

Caedah pengumpulan data

Caedah penganalisisan data

Instrumentasi

Sampel

Sampel bagi kajian ini terdiri daripada 11 orang pelajar Melayu yang mengikuti kursus bahasa Sepanyol selama 3 tahun di Universiti Malaya. Pada masa kajian ini dijalankan mereka sedang mengikuti program Muda Bahasa dan Linguistik (pengkhususan bahasa Sepanyol) di Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya.

Pelajar Melayu dipilih kerana mereka adalah penutur jati bahasa Melayu dan merupakan golongan majoriti. Universiti Malaya dipilih kerana ia merupakan satu-satunya universiti di Malaysia yang menawarkan bahasa Inggeris sebagai kursus major.

3.2 Kaedah Pengumpulan Data

Data untuk kajian ini diperoleh melalui ujian dan kertas soal selidik. Melalui ujian, penelitian diberikan kepada aspek kesilapan penggunaan kata ganti nama diri. Kemudiannya semua kesilapan itu akan dikelaskan mengikut kategori masing-masing iaitu salah padan, posisi, susunan, pengguguran dan penambahan.

Ujian dijalankan secara bertulis. Ujian bertulis ialah ujian yang melibatkan soalan berbentuk struktur yang memerlukan sampel menjawabnya dalam bentuk ayat dan frasa. Ujian ini mengambil masa selama satu jam dan diadakan di dalam bilik tutorial dalam suasana yang formal.

Melalui kertas soal selidik pula, perhatian diberikan kepada aspek minat dan tindak balas pelajar terhadap pembelajaran bahasa Sepanyol, khususnya aspek kata ganti nama diri.

3.2.1 Ujian Bertulis

Satu ujian bertulis bahasa Sepanyol yang melibatkan soalan berbentuk struktur diberikan kepada sampel yang terdiri daripada pelajar-pelajar Melayu Universiti Malaya.

Ujian mengandungi soalan-soalan tentang kata ganti nama diri yang akan sampel menjawabnya dalam ayat dan frasa. Soalan-soalan diambil dari buku teks bahasa Sepanyol yang bertajuk *España 2000 Elemental* terbitan *Sociedad General Española de Literatura, S.A*). Rasional penyelidik memilih soalan-soalan dari buku tersebut kerana ia meliputi segala aspek kata ganti nama diri yang dikaji dan kesukaran soalan-soalan tersebut juga bersesuaian dengan tahap huan dan pembelajaran sampel.

Arahan khusus untuk menjawab soalan tidak diberikan kepada sampel dan sampel juga tidak diberitahu tentang fokus kajian penyelidik. Ini kajian yang dijalankan oleh penyelidik ialah kajian tentang aspek. Oleh itu data yang diperlukan adalah jawapan sampel untuk pengetahuan dan penguasaan sebenar mereka dalam aspek kata ganti nama diri. Bagaimanapun, setiap kategori soalan mempunyai contoh masing-masing.

Masa yang diperuntukkan untuk menjawab soalan ialah 1 jam (60 minit). Semasa ujian dijalankan, sampel dikumpulkan di dalam kelas tutorial iawasi oleh penyelidik sendiri. Sampel dilarang bercakap atau berbicara semasa ujian dijalankan. Sampel juga tidak dibenarkan meniru atau merujuk nota atau mana-mana bahan rujukan. Ujian berjalan dalam suasana yang amat formal.

soal Selidik

lepas selesai ujian bertulis sampel diberikan pula kertas soal ampiran A). Sampel diberikan penerangan bagaimana mengisi sebut. Penyelidik menggunakan soalan jenis “*Close ended*” dalam k yang diberikan kepada sampel.

alan-soalan yang dikemukakan dalam soal selidik ini yang 1 pada skala likert bertujuan untuk mendapatkan maklumat perkara-perkara berikut, iaitu:

sikap terhadap bahasa Sepanyol	(soalan 1-10)
motivasi	(soalan 19-25)
rategi	(soalan 26-40)
asalah	(soalan 11-18)

semua soalan dalam soal selidik ini dipadankan daripada soal selidik ka bentuk oleh Gardner dan Lambert (1972) (Jamdi Ismail, dalam wan Bahasa, 1992).

Analisisan data dijalankan dengan menggunakan prosedur 1. Markah-markah daripada skala digunakan sebagai asas untuk an garis pemisah (cut-off point) di antara tiga kategori sikap (iaitu

negatif, sederhana, dan positif), tiga kategori motivasi (iaitu lemah, sederhana dan kuat), tiga kategori strategi (iaitu pincang, sederhana, dan mantap) dan juga di antara tiga kategori masalah (iaitu kecil, sederhana dan besar).

3.2.2.1 Sikap Terhadap Bahasa Sepanyol

Bahagian ini terdiri daripada 5 kenyataan tentang bahasa Sepanyol (item 1-5) dan 5 kenyataan tentang penutur bahasa Sepanyol (item 6-10). 2 kenyataan iaitu item 4 dan 5 adalah berupa negatif manakala 8 kenyataan yang lain berbentuk positif. Kenyataan-kenyataan tersebut meliputi aspek-aspek seperti kepentingan dalam perhubungan antarabangsa, kepentingan dalam pendidikan, kepentingan kepada agama, sentimen penjajah, keperluan mempelajarinya dan faedah yang diperolehi oleh seseorang yang menguasainya.

Sampel diminta untuk menandakan kadar persetujuan mereka terhadap kenyataan-kenyataan tersebut, iaitu mereka menandakan samada mereka ‘sangat bersetuju’, ‘bersetuju’, ‘tidak pasti’, ‘tidak bersetuju’, atau ‘sangat tidak bersetuju’. Bagi kenyataan yang positif respon ‘sangat bersetuju’ diberi 5 markah, respon ‘bersetuju’ diberi 4 markah, respon ‘tidak pasti’ diberi 3 markah, respon ‘tidak bersetuju’ diberi 2 markah dan respon ‘sangat tidak bersetuju’ diberi 1 markah. Bagi kenyataan negatif pula,

markah yang diberikan adalah sebaliknya, iaitu respon ‘sangat tidak bersetuju’ mendapat 5 markah, respon ‘tidak bersetuju’ mendapat 4 markah, respon ‘tidak pasti’ mendapat 3 markah, respon ‘bersetuju’ mendapat 2 markah dan respon ‘sangat bersetuju’ mendapat 1 markah.

Skala sikap terhadap Bahasa Sepanyol didapati dengan menjumlahkan semua markah yang diperolehi bagi kesepuluh-sepuluh kenyataan itu.

3.2.2.2 Masalah Dalam Pembelajaran Bahasa Sepanyol

Dalam bahagian ini sampel diminta untuk menilai sifat dan pengajaran guru-guru bahasa Sepanyol mereka. Di samping itu juga sampel diminta untuk menilai sifat dan pembelajaran bahasa Sepanyol mereka sendiri. Terdapat 5 soalan (soalan 11 – 15) untuk menilai guru-guru bahasa Sepanyol dan 3 soalan (soalan 16 – 18) untuk menilai diri mereka sendiri. 3 soalan iaitu item 16, 17, 18 adalah berupa negatif manakala yang lain-lain berbentuk positif. Sampel diminta untuk menunjukkan kadar persetujuan mereka kepada kenyataan-kenyataan tentang bahan pengajaran guru, samada nota dan rujukan mencukupi, samada alat bantu mengajar yang digunakan dalam pengajaran menarik dan sesuai, tentang ketepatan guru datang mengajar, samada guru kreatif atau tidak, tentang persamaan antara bahasa Sepanyol dan bahasa Melayu, samada pelajar menyalin nota dalam bahasa

Sepanyol atau bahasa Melayu, dan tentang bahasa apakah yang digunakan pelajar untuk menghafal nota.

Sampel diminta untuk menandakan samada mereka ‘sangat bersetuju’, ‘bersetuju’, ‘tidak pasti’, ‘tidak bersetuju’ atau ‘sangat tidak bersetuju’. Bagi kenyataan yang positif respon ‘sangat bersetuju’ diberi 5 markah, respon ‘bersetuju’ diberi 4 markah, respon ‘tidak pasti’ diberi 3 markah, respon ‘tidak bersetuju’ diberi 2 markah dan respon ‘sangat tidak bersetuju’ diberi 1 markah. Bagi kenyataan negatif pula, markah yang diberikan adalah sebaliknya, iaitu respon ‘sangat tidak bersetuju’ mendapat 5 markah, respon ‘tidak bersetuju’ mendapat 4 markah, respon ‘tidak pasti’ mendapat 3 markah, respon ‘bersetuju’ mendapat 2 markah dan respon ‘sangat bersetuju’ mendapat 1 markah.

Skala masalah dalam pembelajaran bahasa Sepanyol didapati dengan menjumlahkan semua markah yang diperolehi bagi kelapan-lapan kenyataan itu.

3.2.2.3 Motivasi Terhadap Pembelajaran Bahasa Sepanyol

Soalan-soalan untuk skala ketinggian motivasi sampel terhadap bahasa Sepanyol di dapati pada item 19 – 25, iaitu ia terdiri dari tujuh kenyataan semuanya. Kenyataan tersebut adalah tentang:

- a) Kepentingan bahasa Sepanyol untuk melanjutkan pelajaran
- b) Kepentingan bahasa Sepanyol bagi mendapat pengakuan masyarakat
- c) Nilai bahasa Sepanyol dari segi ekonomi
- d) Nilai bahasa Sepanyol dari segi pendidikan
- e) Kepentingan untuk menjalin hubungan dengan pentutur bahasa Sepanyol
- f) Kepentingan untuk melawat negara-negara berbahasa Sepanyol
- g) Kepentingan untuk memahami tatacara hidup pentutur bahasa Sepanyol

Sampel telah diminta untuk menandakan respon yang paling sesuai bagi mereka di antara lima pilihan yang diberi. Pilihan yang sangat positif diberi 5 markah, pilihan yang positif diberi 4 markah, pilihan yang tidak pasti diberi 3 markah, pilihan yang negatif diberi 2 markah dan pilihan yang sangat negatif diberi 1 markah.

Skala ketinggian motivasi terhadap bahasa Sepanyol didapati dengan menjumlahkan semua markah yang diperolehi dari ketujuh-tujuh kenyataan tersebut.

3.2.2.4 Strategi Pembelajaran Bahasa Sepanyol

Strategi yang digunakan oleh sampel dalam pembelajaran bahasa Sepanyol didapati dalam soalan 36 – 40. Ia terdiri daripada 15 kenyataan kesemuanya. Kenyataan-kenyataan tersebut meliputi kesungguhan menyiapkan kerja rumah, keterlibatan di dalam kelas, kekerapan membaca akhbar dan majalah berbahasa Sepanyol, kekerapan bertanya, persediaan sebelum kelas, kesungguhan mengingati, masa yang diperuntukkan untuk belajar, latihan, rujukan, komunikasi, internet, menonton televisyen dan kesungguhan belajar.

Sampel telah diminta untuk menandakan respon yang paling sesuai bagi mereka di antara lima pilihan yang diberi. Pilihan yang sangat positif diberi 5 markah, pilihan yang positif diberi 4 markah, pilihan yang tidak pasti diberi 3 markah, pilihan yang negatif diberi 2 markah dan pilihan yang sangat negatif diberi 1 markah. Bagi kenyataan yang mempunyai 3 pilihan, pilihan yang positif diberi 3 markah, pilihan yang sederhana diberi 2 markah dan pilihan yang negatif diberi 1 markah.

Skala strategi pembelajaran bahasa Sepanyol di dapati dengan menjumlahkan semua markah yang diperolehi bagi kelima-lima belas kenyataan itu.

3.3 Kaedah Penganalisisan Data

Setelah semua data dipungut, ia akan dipecahkan kepada dua bahagian utama iaitu bahagian A dan bahagian B. Bahagian A terdiri daripada data tentang kata ganti nama diri yang dikumpul menerusi ujian. Bahagian B pula terdiri daripada data tentang masalah, strategi, sikap dan motivasi yang dikumpul menerusi soal selidik.

Data dari kumpulan A akan diteliti berdasarkan aspek kesilapan penggunaan kata ganti nama diri mengikut kategori yang telah ditetapkan iaitu padanan, posisi, susunan, pengguguran dan penambahan. Peratus kesilapan dari setiap kategori akan dikira dan akan dikemukakan dalam bentuk rajah, carta, jadual dan sebagainya.

Proses yang sama akan dilakukan terhadap data dari kumpulan B di mana perhatian akan diberikan kepada aspek minat yang meliputi masalah, strategi, sikap dan motivasi terhadap pembelajaran bahasa Sepanyol.

Secara umumnya, analisis kesilapan didasarkan kepada ‘Teori Kesilapan Pit Corder’ (1981). Manakala rumus atau fakta mengenai kata ganti nama diri, dirujuk daripada buku-buku nahu bahasa Sepanyol.

3.3.1 Analisis Kesilapan Pit Corder

Untuk menganalisis data, penyelidik telah menggunakan lima langkah seperti yang dicadangkan oleh Corder (1974), iaitu:

a) Pengenalan

Langkah pertama yang dilakukan oleh penyelidik ialah mengenal pasti kesalahan kata ganti nama diri yang dilakukan oleh pelajar dengan meneliti jawapan mereka di dalam ujian yang mengandungi soalan-soalan berbentuk struktur. Selanjutnya, penyelidik menjumlahkan semua kesalahan untuk melihat kekerapan dan peratusnya.

b) Pentafsiran

Langkah yang kedua ialah menafsir kesalahan-kesalahan yang telah dikenalpasti dengan meneliti kesesuaian penggunaan kata ganti nama diri dari segi konteks dan nahu. Ini kerana sesuatu kata ganti nama diri yang digunakan boleh jadi sesuai dari segi konteks tetapi tidak dari segi nahu atau sebaliknya.

c) Proses Pembinaan Semula

Langkah berikutnya ialah proses pembinaan semula. Di dalam proses ini penyelidik akan membetulkan semula semua kesalahan kata ganti

a diri yang dilakukan oleh pelajar. Kata ganti nama diri yang salah dan tidak sesuai akan digantikan dengan kata ganti nama diri yang betul yang memenuhi kriteria keberterimaan dan kesesuaian kontur dan sistem bahasa Sepanyol. Untuk itu penyelidik telah menggunakan buku-buku tatabahasa bahasa Sepanyol sebagai bahan untuk merangka jawapan yang betul dan tepat.

Menggolongan Kesilapan

Kesilapan yang keempat ialah menggolongkan kesalahan ke dalam kategori-kategori yang telah ditentukan. Dalam konteks penyelidikan penyelidik telah menggolongkan kesalahan kata ganti nama diri dalam lima kategori iaitu kesalahan padanan, kesalahan gguguran, kesalahan posisi, kesalahan susunan dan kesalahan ambahan. Setiap kategori kesalahan tersebut dipecahkan pula ada beberapa sub kategori kecuali kesalahan susunan yang tidak mempunyai kategori.

Jelaskan

Kesilakan terakhir yang dilakukan oleh penyelidik ialah menjelaskan ca-punca kesalahan. Ini kerana setiap kesalahan yang dilakukan bu mempunyai penjelasan tentang punca dan sebab ianya berlaku. Namun hal ini Richards (1974) telah membahagikan punca-punca alahan kepada empat, iaitu:

Generalisasi melampau

Kejahilan peraturan

Penggunaan peraturan yang tidak sempurna

Andaian salah konsep

pek-Aspek Berkaitan Kata Ganti Nama

ta ganti nama terutamanya dalam bahasa Latin mempunyai genus bilangan (*number*), kasus (*case*) dan orang atau diri (*person*). *gender* merujuk kepada penggolongan kata ganti nama ke dalam atau feminin. Contohnya dalam bahasa Sepanyol, *él* (*he*) adalah nama maskulin dan *ella* (*she*) adalah kata ganti nama feminin.

angan (*number*) merujuk kepada kata ganti nama mufrad atau jamak (*plural*). Kasus (*case*) pula ialah perubahan (terutama) pada fleksi yang menunjukkan perkaitannya dengan perkataan yang terbahagi kepada tiga iaitu:

Kasus nominatif: Bentuk khas sesuatu ganti nama yang dinamakan dalam sesetengah bahasa berfleksi) apabila bentuk itu merupakan subjek atau sesuai dengan subjek sesuatu kata kerja.

- ii. Kasus objektif: Yakni (dalam bahasa Latin dan bahasa-bahasa fleksi yang lainnya) bentuk kata yang digunakan apabila kata itu merupakan objek kata kerja atau objek proposisi.
- iii. Kasus milik: berkenaan dengan milik atau menunjuk keupayaan.

Manakala orang atau diri terbahagi kepada tiga, iaitu:

- i. Kata ganti nama orang atau diri pertama: merujuk kepada orang yang sedang bercakap (*yo, me, nosotros, nos*), (saya, kami, kita).
- ii. Kata ganti nama orang atau diri kedua: merujuk kepada orang yang sedang dilawan bercakap (*tú, usted, vosotros*), (awak, kamu, anda).
- iii. Kata ganti nama orang atau diri ketiga : merujuk kepada orang yang sedang diperkatakan tentangnya (*él, ella, ellos, ellas, lo, los, la, las*), (dia mereka, nya).

Dari segi fungsi, kata ganti nama diri mempunyai fungsi yang sama dengan kata nama iaitu ia boleh jadi:

- i. Subjek :Ella está aquí. (Dia ada di sini)
- ii. Objek langsung :Te quiero. (Saya mencintai awak.)
- iii. Objek tidak langsung :Le estoy escribiendo. (Saya sedang menulis kepadanya.)

- iv. Objek selepas kata hubung :*Es para ella*. (Ini adalah untuknya.)
- v. Pelengkap :*Es ella que está hablando*. (Ianya adalah dia yang sedang bercakap.)

Secara umumnya, kata ganti nama boleh dibahagikan kepada beberapa jenis, antaranya ialah:

- a) Kata ganti nama diri (*personal*)
- b) Kata ganti nama milik (*possessive*)
- c) Kata ganti nama refleksif (*reflexive*)
- d) Kata ganti nama relatif (*relative*)
- e) Kata ganti nama penunjuk (*demonstrative*)
- f) Kata ganti nama tak tentu (*indefinite*)
- g) Kata ganti nama tanya (*interrogative*)

3.3.3 Perbandingan Ringkas Kata Ganti Nama Diri dalam Bahasa Sepanyol dan Bahasa Melayu

Perkataan “kata ganti nama” diterjemahkan dalam bahasa Sepanyol sebagai “*el pronombre*”. Secara umumnya, definisi dan penggunaan kata ganti nama dalam kedua-dua bahasa iaitu Sepanyol dan Melayu adalah sama. Tetapi, dalam beberapa aspek tertentu terdapat beberapa perbezaan.

m bahagian ini, penulis akan cuba membandingkan kata ganti bahasa Sepanyol dan bahasa Melayu dari aspek diri atau orang nus (*gender*) dan bilangan (*number*).

Diri atau Orang (*person*)

m bahasa Sepanyol dan bahasa Melayu, kata ganti nama boleh kepada dua konteks iaitu konteks sosiolinguistik dan konteks

teks sosiolinguistik merujuk kepada penggunaan kata ganti nama
| tak sopan berdasarkan kepada taraf sosial, hubungan,
| dan topik perbualan dalam sesuatu peristiwa bahasa. Asmah Hj.
(: 65-67)

im konteks sosiolinguistik bahasa Sepanyol mempunyai dua kata
diri mufrad (*singular*) yang lazim iaitu *tú* dan *usted*, dan tiga
nama diri jamak (*plural*) iaitu *vosotros*, *vosotras* dan *ustedes*.
ustedes adalah bentuk-bentuk sopan atau formal.

(awak) adalah kata ganti nama diri kedua mufrad dalam bahasa
ang lazimnya digunakan kepada:

ok setara

uarga yang sama generasi

rapat

kawan sepermainan

tanak

in yang mempunyai kedudukan sosial yang lebih rendah

agaimanapun, penggunaannya berbeza mengikut budaya dan
ma ia digunakan. Di beberapa tempat, *tú* boleh digunakan
seseorang pada kali pertama, dan di sesetengah tempat yang
an untuk mengenali seseorang dengan lebih dekat.

(awak) adalah kata ganti nama diri kedua mufrad yang
ai bentuk sopan atau formal dalam budaya bahasa Sepanyol.
ikan kepada sesiapa sahaja yang tidak termasuk dalam senarai
terutamanya kepada mereka yang lebih tua dan berpangkat.

is (maskulin) dan *vosotras (feminin)* adalah bentuk-bentuk
. Dan ia boleh digunakan oleh seseorang kepada sesuatu
z mempunyai hubungan yang rapat atau baik dengannya. Di

digunakan hampir secara eksklusif. Ia mungkin banyak dalam penulisan, tetapi jarang-jarang di dalam pertuturan.

pula adalah bentuk jamak bagi *usted*. Ia adalah bentuk an yang digunakan kepada sekumpulan orang tertentu. Di kebanyakan negara yang menuturkan bahasa Sepanyol dan tempat di Sepanyol, *ustedes* menggantikan tempat *is* sebagai satu-satunya kata ganti nama diri jamak.

hasa Melayu, menurut Asmah Hj. Omar (1980: 65-67) ganti nama diri berdasarkan konteks sosiolinguistik boleh pada dua bahagian utama: Ganti nama bahasa diraja dan hasa biasa. Kata ganti nama bahasa diraja mengandungi taan khas seperti:

:ama : beta, patik

ua : tuanku

ga : tuanku

betul beliau lagi, beta dan patik berbeza dalam pemakaianya sedua-duanya merujuk kepada orang pertama. Beta roses dari atas ke bawah, yakni dari raja kepada rakyat.

· melambangkan proses dari bawah ke atas, iaitu digunakan bila berbahasa dengan raja.

digunakan sebagai rujukan kepada raja yang dilawan rakyat. Dalam hal ini, tuanku berfungsi sebagai kata ganti ia. Jika tuanku digunakan sebagai rujukan kepada raja atau ia rakyat bercakap dengan orang lain, maka ia berfungsi ganti nama diri ketiga. Tuanku juga menunjukkan proses s.

ara itu, Asmah membahagikan kata ganti nama biasa dalam linguistik kepada tiga subgolongan seperti dalam jadual di

**ata Ganti Nama Diri Biasa dalam Konteks Sosiolinguistik.
(Asmah:1980)**

	Hormat	Neutral	Kasar/intim
1. tama	i. Saya	Saya	Aku
2. dua	ii. Tuan, Puan dsb. (sebutan pangkat/ gelaran)	Anda, saudara, saudari	Kamu, engkau, awak
3. tiga	iii. Beliau, beliau- beliau	Dia, ia, mereka	Dia, mereka

konteks nahu, secara ringkasnya kata ganti nama diri dalam gol dan bahasa Melayu dapat dilihat di dalam jadual di bawah:

Kata Ganti Nama Diri Bahasa Sepanyol dan Melayu dalam Konteks Nahu.

	Diri/orang	Bahasa Sepanyol	Bahasa Melayu
Pertama		<i>Yo</i>	Saya
Kedua		<i>Tú, usted</i>	Awak
Ketiga		<i>Él/ella</i>	Ia, dia
Pertama		<i>Nosotros/as</i>	Kami, kita
Kedua		<i>Vosotros/as, ustedes</i>	Kamu, anda, awak
Ketiga		<i>Ellos/as</i>	Mereka

Jadual di atas dapat dilihat bahawa bahasa Melayu ata ganti nama diri ketiga yang khusus ‘ia’ untuk bukan ada rujukannya adalah haiwan, benda, peristiwa atau lain-lain sa ‘dia’ digunakan untuk merujuk manusia. Di dalam bahasa a, *él* dan *ella* digunakan untuk merujuk haiwan, benda,

sebagainya yang bukan manusia, sebagaimana digunakan manusia.

· Sepanyol mempunyai bentuk jamak bagi kata ganti nama diri *osotros/vosotras* manakala bentuk jamak dan bentuk mufrad ti nama diri kedua dalam bahasa Melayu adalah sama iaitu

arkan jadual 3.2 itu juga, dapat dilihat bahawa bahasa Melayu ata ganti nama diri pertama jamak yang bersifat ekslusif orang kedua) iaitu ‘kami’, dan bentuk inklusif (memasukkan iaitu ‘kita’. Kedua-dua bentuk tersebut tidak terdapat dalam vol.

dari itu, kata ganti nama diri juga boleh mempunyai bentuk tuk lemah (bentuk klisis). Bahasa Sepanyol dan bahasa Melayu edua-dua bentuk utuh dan klisis. Lihat jadual di sebelah:

Bentuk Utuh
lam Bahasa
mah:1980)

Jadual 3.4 : Bentuk Utuh
dan Klisis dalam Bahasa
Sepanyol

Bentuk Klisis
Ku
Kau
Mu

Bentuk Utuh	Bentuk Klisis
<i>Usted</i>	<i>Ud</i> atau <i>Vd</i>
<i>Ustedes</i>	<i>Uds</i> atau <i>Vds</i>

Genus

Sepanyol adalah bahasa latin berfleksi. Oleh itu, sistem ah jelas. Manakala kata ganti nama dalam bahasa Melayu yai sistem genus. Perhatikan jadual di bawah:

3.5 : Perbezaan Kata Ganti Nama Bahasa Sepanyol dan Bahasa Melayu dari Aspek Genus.

Diri	Bahasa Sepanyol	Bahasa Melayu
tama luu iga	<i>Yo</i> <i>Tú, Usted</i> <i>Él</i> (maskulin) <i>Ella</i> (feminin)	Saya Awak Dia/ ia

Jamak	Pertama Kedua Ketiga	<i>Nosotros</i> (maskulin), <i>nosotras</i> (feminin) <i>Vosotros</i> (maskulin), <i>vosotras</i> (feminin) <i>Ustedes</i> (neutral) <i>Ellos</i> (maskulin), <i>Ellas</i> (feminin)	Kami/ kita Kamu/ awak/ anda Mereka
-------	----------------------------	--	---

Berdasarkan jadual di atas, dapat dilihat bahawa dalam bahasa Sepanyol, genus terdapat dalam kata ganti nama diri ketiga mufrad ‘*él/ella*’ dan kata ganti nama diri jamak bagi orang pertama ‘*nosotros/nosotras*’, orang kedua ‘*vosotros/vosotras*’ dan orang ketiga ‘*ellos/ellas*’. Manakala kata ganti nama diri dalam bahasa Melayu tidak mempunyai genus.

3.3.3.3 Aspek Bilangan

Dari segi bilangan (rujuk jadual sebelumnya), kata ganti nama diri dalam bahasa Sepanyol mempunyai kedua-dua bentuk mufrad dan jamak bagi ketiga-tiga sistem diri. Manakala bahasa Melayu hanya mempunyai bentuk jamak dalam kata ganti nama diri pertama dan ketiga sahaja. Bagi kata ganti nama diri kedua dalam bahasa Melayu bentuk jamak dan bentuk mufrad adalah sama.

anti Nama Diri Bahasa Sepanyol dan Pembahagiannya

anti nama diri ialah perkataan yang mengambil tempat kata esuatu ayat samada kata nama itu wujud dalam ayat ini tidak, bagi mengelakkan penggunaannya yang berulang-ontoh; “Pablo es un estudiante de la escuela secundaria. Él bonito” (Pablo adalah seorang pelajar sekolah menengah. yang bijak dan tampan). Subjek di dalam ayat yang pertama ia Pablo. Di dalam ayat kedua kata ganti nama diri ketiga akan bagi menggantikan Pablo. Penggunaan Él adalah kan pengulangan kata nama Pablo.

Sepanyol mempunyai sistem kata ganti nama diri yang agak nempunyai bentuk, corak dan jenis yang berbagai-bagai ada fungsi nahunya di dalam ayat samada sebagai subjek, langsung, pelengkap tidak langsung, subjek refleksif dan

anti Nama Subjek

Jadual 3.6 : Kata Ganti Nama Subjek

	Diri	Kata Ganti Nama
frad	Pertama	<i>yo</i> (saya)
	Kedua	<i>tú, usted</i> (awak)
	Ketiga	<i>él/ella</i>
nak	Pertama	<i>nosotros/as</i>
	Kedua	<i>vosotros/as, ustedes</i>
	Ketiga	<i>ellos/ellas</i>

Jadual di atas dapat diperhatikan bahawa *yo*, *tú*, *usted* dan kata ganti nama yang mewakili diri pertama, diri kedua dan juga bentuk mufrad. Manakala *nosotros/as*, *vosotros/as*, *ustedes* adalah kata ganti nama yang mewakili diri pertama, diri ketiga jamak.

arkan jadual di atas juga dapat diperhatikan bahawa kata ganti ketiga mufrad iaitu *él/ella*, kata ganti nama diri ketiga jamak

ellos/ellas, kata ganti nama diri pertama jamak iaitu *nosotros/as* dan kata ganti nama diri kedua jamak iaitu *vosotros/as* adalah bergenous iaitu penggunaannya adalah berdasarkan kepada maskulin dan feminin.

Bagi kata ganti nama diri pertama mufrad iaitu *yo*, kata ganti nama diri kedua mufrad iaitu *tú*, kata ganti nama diri kedua mufrad bagi bentuk formal iaitu *usted* dan kata ganti nama diri jamak bagi bentuk formal iaitu *ustedes*, tidak bergenous iaitu ia boleh digunakan untuk maskulin dan feminin.

Dalam bahasa Sepanyol, kata ganti nama subjek digunakan dengan terhad. Samada subjek itu ialah orang pertama, orang kedua atau orang ketiga, mufrad atau jamak ditentukan oleh penghujung kata kerja misalnya; *hablo* (saya bercakap), *hablas* (awak bercakap), *habla* (dia bercakap), *hablais* (awak semua bercakap), *hablamos* (kami bercakap), dan *hablan* (mereka bercakap).

Usted ialah kata ganti nama diri kedua mufrad dan *ustedes* ialah kata ganti nama diri kedua jamak bagi bentuk sopan atau formal. Tetapi *usted* dan *ustedes* menggunakan konjugasi kata kerja bagi diri ketiga mufrad dan jamak.

ata ganti nama orang ketiga samada mufrad atau jamak, daripada satu subjek yang mungkin dirujuk oleh penghujung sama. Misalnya ayat “*Habla español*” adalah taksa kerana ia ‘a maksud “Dia (perempuan) bercakap bahasa Sepanyol” atau ‘er cakap bahasa Sepanyol” ataupun “Awak (formal) bercakap ol”. Dalam hal ini kata ganti nama subjek perlu disertakan di kerja bagi mengelakkan ketaksaan, iaitu samada “*Él habla* (lelaki) bercakap bahasa Sepanyol), atau “*Ella habla español*” (wanita) bercakap bahasa Sepanyol), ataupun “*Usted habla* (lelaki (formal) bercakap bahasa Sepanyol).

umumnya kata ganti nama subjek digunakan dalam hal-hal

mengidentifikasi seseorang:

ne Gómez? (Jaime Gómez?)

yo. (Saya)

s tú Javier Zanón? (Adakah awak Javier Zanón?)

yo soy Jenaro Ortega. (Tidak, saya adalah Jenaro Ortega)

: menjawab pertanyaan yang diajukan serentak kepada apa orang.

mo os llamáis? (Apa nama awak semua?)

'epe. (Saya, Pepe.)

lndrea. (Saya, Andrea.)

mendapatkan pengesahan terhadap pertanyaan yang kan penujuannya (destinasinya).

· *qué has llegado tarde?* (Kenapa awak tiba lambat?)

· (Saya?)

· *daos de avisar a Luis.* (Awak semua ingat untuk ghubungi Luis)

ién? *¿Nosotros?* (Siapa? Kami?)

1 ayat-ayat di atas jelas bahawa orang yang ditujukan iyaan tidak pasti apakah pertanyaan tersebut benar-benar kan kepadanya atau tidak. Oleh itu kata ganti nama diri akan untuk mendapatkan kepastian.

beri kepastian secara spontan bagi mengesahkan yang sesuatu atan itu memang dilakukan oleh subjek yang dimaksudkan dan ini ini menolak kemungkinan yang ianya dilakukan oleh orang

· *is hablando con Félix?* (Awak telah bercakap dengan ix?)

no. (Saya, belum.)

Penggunaan kata ganti nama yo dalam ayat di atas menggambarkan tentang pelbagai kemungkinan perasaan oleh pengucapnya seperti malu, terperanjat dan sebagainya. Mungkin dia sebenarnya tidak tahu yang dia perlu bercakap dengan *Félix* lalu untuk menunjukkan rasa terperanjatnya dengan soalan tersebut, dia menggunakan kata ganti nama yo. Atau barangkali dia ingin menyatakan keengganannya untuk bercakap dengan *Félix* lalu kata ganti nama yo digunakan.

- v. Untuk menunjukkan bahawa berlaku pertukaran subjek yang memperkatakan tentang tema yang sama.

- *Él está convencido de que todo se va arreglar solo, pero yo no estoy tan seguro.* (Dia yakin untuk membaiki semua sendiri, tetapi saya tidak begitu yakin.)

Dalam ayat di atas, berlaku pertukaran subjek iaitu Él kepada yo tetapi masih memperkatakan tentang tema yang sama iaitu “keyakinan untuk membaiki semua sendiri”.

- vi. Untuk mengiakan atau menunjukkan samada bersetuju ataupun tidak bersetuju dengan sesuatu kenyataan, yang dikombinasikan dengan perkataan-perkataan *también* (juga) atau *tampoco* (juga tidak).
- *Me gusta hacer deporte.* (Saya gemar bersukan)

-Yo también. (Saya juga)

-*No soporto la música moderna.* (Saya tidak menyokong muzik moden)

-Yo tampoco. (Saya juga tidak)

2 Kata Ganti Nama Diri Pelengkap

Kata ganti nama diri pelengkap terbahagi kepada dua bentuk iaitu (tanpa tekanan) dan *tónico* (dengan tekanan). Namun di dalam isian disertasi ini penyelidik hanya akan mengemukakan bentuk *átono* a hanya bentuk tersebut yang menjadi fokus penyelidik.

Bentuk *átono*.

Jadual 3.7 : Bentuk-Bentuk *átono*.

Diri yang diwakili	Kata ganti nama
<i>yo</i>	<i>me</i>
<i>tú</i>	<i>te</i>
<i>nosotros/as</i>	<i>nos</i>
<i>vosotros/as</i>	<i>os</i>

Kata ganti nama diri *yo*, *tú*, *nosotros/as* dan *vosotros/as* seperti m jadual di atas adalah bentuk-bentuk kata ganti nama pelengkap *átono*

yang boleh berfungsi samada sebagai kata ganti nama refleksif, kata ganti nama objek langsung dan kata ganti nama objek tidak langsung. Contoh:

-*Y tú, ¿a qué hora te levantas?* [refleksif]

(Dan awak, pukul berapa awak bangun?)

-*Ayer te vi en la cola de un cine.* [objek langsung]

(Semalam saya melihat awak di dalam barisan di panggung wayang.)

-*Te ha dado Pablo la carta?* [objek tidak langsung]

(Adakah Pablo telah memberikan kepada awak surat itu?)

Berbeza dengan kumpulan di atas, kumpulan yang mengandungi kata ganti nama kedua bagi bentuk formal iaitu *usted/ustedes* dan kata ganti nama ketiga iaitu *él/ella*, dan *ellos/ellas* mempunyai bentuk-bentuk kata ganti nama pelengkap *átono* yang berbeza bagi refleksif, objek langsung dan objek tidak langsung.

Bentuk-bentuk kata ganti nama pelengkap *átono* bagi diri ketiga boleh digunakan samada untuk merujuk manusia, binatang, objek dan konsep yang abstrak.

Usted dan *ustedes* walaupun merujuk kepada diri kedua bagi bentuk sopan atau formal tetapi berada dalam bentuk *átono* diri ketiga.

Bentuk kata ganti nama refleksif *átono* bagi diri ketiga samada mufrad ataupun jamak adalah sama iaitu *se*. Contoh:

-*Susana se levanta a las 7 por la mañana.* [mufrad]

(Susana bangun pada pukul 7 pagi.)

-*Ellos se levantan a las 8 por la mañana.* [jamak]

(Mereka bangun pada pukul 8 pagi.)

Ada dua bentuk kata ganti nama pelengkap tidak langsung *átono* bagi diri ketiga (juga dikenali sebagai kata ganti nama objek tidak langsung), satu mufrad dan satu lagi jamak. Contoh:

Jadual 3.8 : Kata Ganti Nama Pelengkap Tidak Langsung *átono* bagi Diri Ketiga.

Diri yang dirujuk	Kata ganti nama objek tidak langsung
<i>él/ella, usted</i>	<i>le</i>
<i>ellos/ellas, ustedes</i>	<i>les</i>

-*Le doy una flor a Carmen.*

(Saya memberikan kepada Carmen sekuntum bunga.)

-*Les regalo las muñecas a los niños.*

(Saya menghadiahkan kepada kanak-kanak itu anak patung.)

Ada empat bentuk kata ganti nama pelengkap langsung *átono* bagi diri ketiga (juga dikenali sebagai kata ganti nama objek langsung) iaitu maskulin, feminin, mufrad dan jamak. Contoh :

Jadual 3.9 : Kata Ganti Nama Pelengkap Langsung *átono* Bagi Diri Ketiga.

Diri yang dirujuk	Kata ganti nama objek langsung
<i>él, usted</i> (maskulin)	<i>lo</i>
<i>ella, usted</i> (feminin)	<i>la</i>
<i>ellos, ustedes</i> (maskulin)	<i>los</i>
<i>ellas, ustedes</i> (feminin)	<i>las</i>

-*¿Y esta lámpara es nueva?* (Dan ini lampu baru?)

Sí, me la regalaron en Navidad. (Ya, mereka menghadiahkannya kepada saya pada hari Krismas.)

-*¡Qué bonitos!* (Cantiknya!)

Los compramos en la India el año pasado. (Kami membelinya di India tahun lepas.)

3.3.5 Posisi

Bentuk-bentuk *átono* bagi kata ganti nama pelengkap sentiasa berada sebelum kata kerja sekiranya kata kerja tersebut berada dalam bentuk konjugasi. Contoh:

-*Me encanta esa camisa.* (Saya suka kemeja itu.)

-*¿Si? Me la regalaron el dia de mi cumpleaños.* (Ya? Mereka menghadiahkannya kepada saya pada hari jadi saya.)

-*¿Y la lámpara que estaba aquí?* (Dan lampu yang dahulunya ada di sini?)

-*Se me cayó esta mañana al limpiarla, y se rompió.* (Saya telah menjatuhkannya pagi tadi ketika hendak mencucinya, dan ia telah pecah.)

Dalam contoh yang pertama di atas, *regalaron* adalah kata kerja yang berada dalam bentuk konjugasi diri ketiga jamak. Oleh itu kata ganti nama objek langsung *la* dan kata ganti nama objek tidak langsung *me* berada sebelum *regalaron*. Dalam contoh kedua, kata ganti nama refleksif *me* dan *se* berada sebelum kata kerja refleksif *cayó* dan *rompió* kerana kedua-dua kata kerja tersebut berada dalam bentuk konjugasi.

Bagaimanapun, apabila sesuatu kata kerja berada dalam bentuk infinitif, *gerund* atau imperatif afirmatif, kata ganti nama perlu berada selepas kata kerja tersebut. Contoh:

-*Es difícil ayudarla.* (Adalah sukar untuk membantunya)

-*Pasa, pasa. Siéntate, siéntate.* (Masuk, masuk. Awak duduk, awak duduk.)

-*Emborrachándose no va a resolver sus problemas.* (Mabuk tidak akan menyelesaikan masalah awak)

Dalam contoh pertama di atas *ayudar* adalah kata kerja yang berada dalam bentuk infinitif. Oleh itu kata ganti nama objek langsung *la* berada selepas kata kerja *ayudar*. Dalam contoh kedua *sienta* adalah kata kerja imperatif afirmatif. Oleh itu kata ganti nama refleksif *te* berada selepas *sienta*. Manakala dalam contoh ketiga, kata ganti nama refleksif *se* berada selepas kata kerja *emborrachando* kerana ia adalah *gerund*.

Tetapi bagi kata kerja yang berada dalam bentuk imperatif negatif, seperti juga kata kerja yang berada dalam bentuk konjugasi, kata ganti nama perlu berada selepasnya. Contoh:

-*No te sientes en esa silla, que está rota.* (Awak jangan duduk atas kerusi itu, ia telah patah)

Apabila kata kerja infinitif atau *gerund* bergantung kepada kata kerja sebelumnya yang berada dalam bentuk konjugasi, kata ganti nama boleh berada samada selepas kata kerja infinitif atau *gerund* ataupun sebelum kata kerja utama. Contoh:

-*¿Quieres sentarte?* (Awak hendak duduk?)

-*¿Tequieres sentar?* (Awak hendak duduk?)

Dalam contoh pertama di atas kata ganti nama *te* berada selepas kata kerja infinitif *sentar*. Manakala dalam contoh kedua kata ganti nama *te* berada sebelum kata kerja pertama *quieres* yang berada dalam bentuk konjugasi.

Bagaimanapun, jika sesuatu kata kerja infinitif itu dikombinasikan bersama kata kerja *gustar*, kata ganti nama perlu berada selepas kata kerja infinitif sahaja bagi mengelakkan kekeliruan antara kata ganti nama diri dengan kata ganti nama bagi kata kerja *gustar*. Contoh:

-*No le gusta ponerse moreno.* (Dia tidak suka memakai warna perang)

Dalam contoh di atas *le* adalah kata ganti nama diri ketiga untuk kata kerja *gustar*. Manakala *se* adalah kata ganti nama refleksif.

3.3.6 Susunan

Apabila dua bentuk kata ganti nama pelengkap *átono* berada dalam satu ayat, kata ganti nama pelengkap tidak langsung sentiasa berada sebelum kata ganti nama pelengkap langsung.

<i>me</i>		<i>lo</i>
<i>te</i>	sebelum	<i>la</i>
<i>nos</i>		<i>los</i>
<i>os</i>		<i>las</i>

Contoh:

-Paloma os lo mandará mañana. (Paloma akan mengirimkannya kepada awak esok)

-No me lo digas. (Jangan beritahunya kepada saya)

Dalam contoh pertama di atas, *os* adalah kata ganti nama objek tidak langsung yang berada sebelum kata ganti nama objek langsung *lo*. Manakala dalam contoh kedua *me* iaitu kata ganti nama objek tidak langsung berada sebelum kata ganti nama objek langsung *lo*.

Apabila dua kata ganti nama objek bagi diri ketiga digabungkan, maka kata ganti nama objek tidak langsung akan ditukarkan kepada se, seperti di bawah:

le/les + lo → se lo

le/les + la → se la

le/les + los → se los

le/les + las → se las

Contoh:

-Se lo di ayer. (Saya telah memberikannya kepada dia semalam)

Dalam contoh di atas se ialah pada asalnya kata ganti nama objek tidak langsung le dan lo ialah kata ganti nama objek langsung. Le dan lo tidak boleh berentetan, oleh itu le telah digantikan dengan se.

3.4 Prosedur Pengiraan Peratus Kesalahan

Dalam mengira kesilapan bahasa yang dilakukan oleh sampel dalam kajian ini, prinsip mengira kesilapan secara keseluruhan adalah seperti berikut:

- i. Bagi mengira peratus kesilapan secara keseluruhan, prinsip seperti berikut digunakan:

$$\text{Peratus Kesilapan} = \frac{\text{Jumlah Kekerapan Kesilapan}}{\text{Jumlah Kata Ganti Nama Yang Digunakan}} \times 100$$

Contoh:

$$\text{Jumlah kata ganti nama yang digunakan} = 918$$

$$\text{Jumlah kesilapan} = 459$$

Oleh itu, peratus kesilapan secara keseluruhan ialah:

$$\frac{459}{918} \times 100 = 50\%$$

- ii. Prinsip mengira peratus kesilapan untuk tiap-tiap kategori kesalahan pula ialah seperti berikut:

$$\text{Peratus kesilapan} = \frac{\text{Jumlah kesilapan setiap kategori}}{\text{Jumlah keseluruhan kesilapan}} \times 100$$

Contoh:-

Peratus kesilapan untuk kategori padanan ialah:

$$\frac{271}{459} \times 100 = 59\%$$

3.5 Instrumentasi

Instrumentasi yang digunakan dalam kajian ini ialah jawapan pelajar dan kertas soal selidik.

3.6 Kesimpulan

Kajian yang dijalankan oleh penyelidik adalah kajian berbentuk deskriptif yang melibatkan penganalisisan data secara kuantitatif. Untuk melaporkan hasil kajian, penyelidik menggunakan maklumat yang diperolehi daripada data yang dikumpul menerusi ujian dan soal selidik. Oleh itu, ketepatan maklumat yang diberikan oleh sampel dan ketelitian sewaktu pemprosesan data dilakukan akan menentukan ketekalan hasil kajian.